



**KENYATAAN MEDIA CO-OPBANK PERTAMA**  
**22 FEBRUARI 2024**

**MPBPP SUNTIK DANA TAMBAHAN RM5 JUTA BANTU BUMIPUTERA  
MILIKI KEDIAMAN DI PULAU PINANG**

1. Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang (MPBPP) pada 1 Februari 2024 telah bersetuju dengan beberapa cadangan penambahbaikan terhadap skim Tabung Perumahan Bumiputera Pulau Pinang (TPBPP) sedia ada bagi mempermudahkan pemilikan hartanah oleh Bumiputera di Pulau Pinang. Ianya selari dengan objektif penubuhan TPBPP yang telah diwujudkan pada 27 Februari 2012 bagi membantu Bumiputera yang kurang berkemampuan untuk memiliki rumah sendiri dan meningkatkan pemilikan hartanah Bumiputera di Pulau Pinang dengan mengambil kira faktor persekitaran pemilikan rumah di Pulau Pinang.
2. MPBPP telah bersetuju menyuntik dana tambahan sebanyak RM5 juta bagi menyediakan kemudahan pembiayaan perumahan Bumiputera di Pulau Pinang menerusi TPBPP yang akan diuruskan oleh Co-opbank Pertama (CBP). Di samping suntikan tambahan dana sebanyak RM5 juta, skim pembiayaan perumahan ini juga ditambah baik dengan had pendapatan isi keluarga pemohon dinaikkan kepada maksima RM12,000 sebulan dari RM3,000 sebulan sebelum ini.
3. "Jumlah had pembiayaan hartanah juga telah dipersetujui dinaikkan kepada RM300,000 dari RM200,000. Kenaikan jumlah had pembiayaan ini sedikit sebanyak dapat membuka pilihan kepada para pelanggan dalam memilih bentuk kediaman yang bersesuaian dengan keperluan mereka. CBP sebagai sebuah bank koperasi yang mula bertapak di Pulau Pinang, amat berbesar hati dengan mandat yang telah diberikan oleh MPBPP bagi menjayakan skim pemilikan perumahan Bumiputera ini" tambah Khairil Anuar Mohammad Anuar, Ketua Pegawai Eksekutif CBP.
4. Terdahulu, MPBPP telah memperuntukkan sebanyak RM14.59 juta kepada CBP yang dioperasikan secara dana pusingan (*rolling-fund*) dan disalurkan secara berperingkat iaitu sebanyak RM5 juta pada 2012 serta RM9.59 juta pada Mac 2014 dengan jumlah penerima manfaat ini melebihi 300 orang Bumiputera setakat ini.
5. Orang ramai boleh membuat permohonan di semua cawangan CBP di Pulau Pinang bermula 1 Julai 2024 dan permohonan ini hanya terbuka kepada Bumiputera dan terhad bagi pembiayaan hartanah di Pulau Pinang sahaja.

**-TERIMA KASIH-**

**Mengenai Co-opbank Pertama**

Co-opbank Pertama (CBP) telah ditubuhkan pada 7 Jun 1950. Pada September 2014, CBP telah diiktiraf oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Bank Negara Malaysia sebagai sebuah co-opbank. CBP mempunyai 33 buah cawangan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. CBP menawarkan pelbagai produk perbankan patuh Syariah termasuk perkhidmatan Ar-Rahnu. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.cbp.com.my](http://www.cbp.com.my).

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :

**Jabatan Komunikasi Korporat, Co-opbank Pertama**

[ukk@cbp.com.my](mailto:ukk@cbp.com.my)